

6

DIMENSI DALAM PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN DAN KAITANNYA DENGAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Armanurah Mohamad, Sahadah Hj Abdullah dan Norashidah Hashim

Bidang keusahawanan telah diiktiraf sebagai bidang yang dapat memberi sumbangan positif dan produktif kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara dan membantu mengurangkan pengangguran, termasuklah pengangguran siswazah. Ianya memainkan peranan penting dalam mewujudkan perniagaan baru serta bertanggungjawab membawa dalam pembaharuan kepada perniagaan sedia ada. Sehubungan itu negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya. Kini usahawan diiktiraf sebagai wira dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Ini juga bermakna pembangunan awal bakal-bakal usahawan melalui pendidikan keusahawanan perlu dilaksanakan dengan membudaya dan mendedahkan pelajar insitansi pendidikan tinggi dengan elemen-elemen keusahawanan. Antara elemen keusahawanan terpenting yang perlu ada dalam kurikulum pendidikan keusahawanan ialah kaedah atau pendekatan yang dapat melahirkan pelajar yang berpemikiran keusahawanan. Memandangkan pembentukan dan pembangunan pemikiran keusahawanan adalah penting untuk pembangunan usahawan siswazah, maka penulisan ini akan membincangkan konsep pemikiran keusahawanan dan seterusnya menerokai dimensi-dimensi yang terdapat dalam pemikiran keusahawanan daripada ulasan kesusasteraan. Selanjutnya mengemukakan dapatan daripada kajian-kajian lepas yang menunjukkan kaitan pemikiran keusahawanan dengan pendidikan keusahawanan.

KONSEP PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN

Pemikiran ditakrifkan oleh Kamus Dewan (2005) sebagai cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi, iaitu bukan dengan menggunakan logik atau cara-cara pemikiran yang biasa sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Pemikiran ialah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah serta diikuti dengan membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami (Som & Mohd Dahalan, 1998). Proses menggunakan minda ini boleh diasuh, dipupuk dan diajar (Mohd. Yusof, 2007). Pemikiran keusahawanan adalah proses kognitif yang melibatkan amalan membuat pemerhatian kepada persekitaran sebagai salah satu cara mengumpul maklumat, mencernakan maklumat bagi menghasilkan idea alternatif serta menilai idea tersebut dari sudut peluang dan penerimaan masyarakat (De Bono, 2006; Nor Aishah, 2010; Nor Aishah *et al.*, 2018). Konsep pemikiran ini adalah selari dan boleh dikaitkan dengan konsep keusahawanan di mana Timmons dan Spinelli (2004) menyatakan bahawa keusahawanan adalah cara pemikiran, pernyataan sebab dan tindakan yang dipengaruhi oleh peluang. Dalam hal ini pemikiran yang baik akan mengurangkan risiko kepada penerokaan peluang. Konsep yang sama juga diutarakan oleh Norashidah (2009) dan Armanurah (2014), di mana pemikiran keusahawanan mempunyai kaitan rapat dengan aspek kognitif yang membantu usahawan untuk mengenal peluang, menjana idea, berfikiran kreatif dan mampu untuk mengurus dan mengawal sumber.

Individu yang mempunyai pemikiran keusahawanan ialah seseorang yang menerima hakikat bahawa persekitaran perniagaan adalah sesuatu yang cukup dinamik, di mana perubahan-perubahan yang berlaku di dalam persekitaran perniagaan boleh mewujudkan banyak peluang dan persaingan serta pasaran produk tanpa had sempadan negara. Pemikiran keusahawanan ini adalah selari dengan pemikiran global yang diutarakan oleh Habrizah (2002), di mana beliau menyatakan bahawa usahawan perlu mempunyai kemahiran untuk melihat dunia sebagai satu arena